



1000143660

**PERKAITAN DI ANTARA LATIHAN KESELAMATAN DENGAN KADAR  
PENGURANGAN KEMALANGAN DI TEMPAT KERJA.**

**AVUN BELAHANG**

**Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian  
(Pembangunan Sumber Manusia)**

**Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK  
2005**

Projek bertajuk perkaitan di antara latihan keselamatan dengan kadar pengurangan kemalangan di tempat kerja yang disediakan oleh Avun Belahang dan telah diserahkan kepada Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Pembangunan Sumber Manusia).

Diterima untuk diperiksa oleh :



(Puan Dayang Nailul Munna Abang Abdullah)

Tarikh:

25 APRIL 2005

## **PENGHARGAAN**

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia projek, Puan Dayang Nailul Munna Abang Abdulah atas segala bimbingan, tunjuk ajar, kebaikan dan sokongan berterusan yang beliau berikan sepanjang tempoh saya menyiapkan kajian saya ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan saya yang banyak membantu saya semasa dalam proses menyiapkan kajian saya ini terutamanya dalam penggunaan SPSS seperti Lingkai ak Nesiah, Robert Ewin, Kevin ak Niru dan Mohamad Amin. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Puan Leniiw Roman atas cadangan dan kritikan beliau berkaitan dengan kajian saya ini bagi menjadikan tesis saya ini sebuah tesis yang berkualiti dan terbaik.

Terima kasih juga ditujukan kepada Unit Operasi, Unit Pembangunan Sumber Manusia, Unit Kewangan, Unit Komersial, Unit Kejuruteraan dan Unit Keselamatan atas kebenaran unit-unit tersebut serta Malaysia Airport Sendirian Berhad amnya untuk membenarkan kajian dijalankan di unit-unit mereka. Tanpa kebenaran mereka, kajian ini tidak dapat dijalankan dengan jayanya.

Akhir sekali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang membantu saya secara langsung dan tidak langsung sepanjang tempoh penghasilan tesis saya. Tanpa bantuan dan tunjuk ajar mereka saya tidak dapat menghasilkan tesis dengan jayanya dan juga mengikut tempoh yang ditetapkan. Ucapan terima kasih yang khas juga saya berikan kepada keluarga saya sendiri kerana menjadi tulang belakang saya sepanjang tempoh saya menghasilkan tesis ini. Sokongan, kasih sayang dan sifat memahami mereka amat bermakna bagi saya.

## JADUAL KANDUNGAN

<b>Penghargaan</b>	I
<b>Jadual kandungan</b>	II
<b>Senarai rajah dan jadual</b>	IV
<b>Abstrak</b>	VI
<b>Abstract</b>	VII

### 1. BAB 1 PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan	
1.1 Pengenalan Kajian	1
1.2 Latar belakang kajian	3
1.3 Kenyataan masalah	5
1.4 Objektif	6
1.5 Kerangka konseptual	8
1.6 Hipotesis Kajian	9
1.7 Kepentingan Kajian	11
1.8 Definisi Istilah	12
1.9 Limitasi kajian	17

### 2. BAB 2 KAJIAN LEPAS

2.0 Pengenalan	18
2.1 Latihan keselamatan	19
2.2 Sejarah latihan keselamatan di Malaysia	21
2.3 Teori berkaitan dengan kemalangan	23
2.4 Faktor-faktor yang terlibat dalam latihan keselamatan yang mempengaruhi kadar kemalangan di tempat kerja	
2.4.1 Jenis-jenis latihan keselamatan	24
2.4.2 Isi kandungan latihan keselamatan	28
2.4.3 Kekerapan mengadakan latihan keselamatan	29
2.4.4 Jurulatih	30
2.5 Kemalangan di tempat kerja	32
2.6 Kepentingan latihan keselamatan	33

### 3. BAB 3 METODOLOGI

3.0 Pengenalan	
3.1 Rekabentuk kajian	37
3.2 Populasi dan sampel	38

3.3 Pengumpulan data	39
3.4 Analisis data	40
3.5 Instrumen	43

#### **4. BAB 4 HASIL DAPATAN KAJIAN**

4.0 Pengenalan	45
4.1 Demografi	46
4.1.1 Jantina	46
4.1.2 Umur	46
4.1.3 Pendidikan	48
4.1.4 Jawatan	49
4.1.5 Latihan keselamatan	50
4.2 Kaedah pengajaran latihan keselamatan	
4.2.1 Kejurulatihan	50
4.2.2 <i>Job Instruction Training (JIT)</i>	53
4.2.3 Seminar atau ceramah	55
4.2.4 Bengkel	56
4.3 Isi kandungan latihan keselamatan	58
4.4 Kekerapan mengadakan latihan keselamatan	60
4.5 Jurulatih	62
4.6 Faktor dominan	64
4.7 Kesimpulan	66

#### **5. BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.0 Pengenalan	68
5.1 Kesimpulan kajian	69
5.2 Cadangan	70
5.3 Kesimpulan keseluruhan kajian	73
<b>Bibliografi</b>	75
<b>Lampiran</b>	86

## **SENARAI RAJAH DAN JADUAL**

Rajah 1 Kerangka konseptual kajian	8
Jadual 1 Taksiran Pekali Korelasi Borg dan Gall	40
Jadual 2 Bilangan dan peratusan responden mengikut jantina	46
Jadual 3 Bilangan dan peratusan responden mengikut umur	47
Jadual 4 Peringkat pendidikan responden	48
Jadual 5 Korelasi di antara kejurulatihan dengan kadar pengurangan kemalangan di tempat kerja.	51
Jadual 6 Korelasi di antara <i>Job Instruction Training</i> dengan kadar pengurangan kemalangan di tempat kerja.	53
Jadual 7 Korelasi di antara seminar atau ceramah dengan kadar pengurangan kemalangan di tempat kerja.	55
Jadual 8 Korelasi di antara bengkel dengan kadar pengurangan kemalangan di tempat kerja.	57
Jadual 9 Korelasi di antara isi kandungan latihan keselamatan dengan kadar pengurangan kemalangan di tempat kerja.	58
Jadual 10 Korelasi di antara kekerapan mengadakan latihan keselamatan dengan kadar pengurangan kemalangan di tempat kerja.	60
Jadual 11 Korelasi di antara jurulatih dengan kadar pengurangan kemalangan di tempat kerja.	62

Jadual 12	
Faktor-faktor dominan yang mempengaruhi latihan keselamatan di tempat kerja.	64
Jadual 13	
Ringkasan hasil hipotesis kajian.	67

## **ABSTRAK**

### **PERKAITAN DI ANTARA LATIHAN KESELAMATAN DENGAN KADAR PENGURANGAN KEMALANGAN DI TEMPAT KERJA: SATU KAJIAN DI MALAYSIA AIRPORT SENDIRIAN BERHAD, KUCHING, SARAWAK.**

#### **Avun Belahang**

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti perkaitan di antara latihan keselamatan dengan kadar pengurangan kemalangan di Malaysia Airport Berhad, Kuching, Sarawak. Pembolehubah bersandar ialah kaedah pengajaran latihan keselamatan kejurulatihan, kaedah pengajaran latihan keselamatan *Job Instruction Training* (JIT), kaedah pengajaran latihan keselamatan bengkel, kaedah pengajaran latihan keselamatan seminar atau ceramah, isi kandungan latihan keselamatan, kekerapan mengadakan latihan keselamatan dan jurulatih. Pembolehubah tidak bersandar ialah kadar kemalangan di tempat kerja. Sebanyak 78 orang responden telah dipilih sebagai sampel kajian. Kajian menggunakan borang soal-selidik dan pemerhatian untuk mengumpul data. Hasil Analisis Korelasi Pearson, dapatan kajian menunjukkan bahawa kaedah pengajaran latihan keselamatan *Job Instruction Training* (JIT) ( $r=-0.234^*$ ,  $p=0.039$ ), kaedah pengajaran latihan keselamatan bengkel ( $r=0.189$ ,  $p=0.039$ ), kaedah pengajaran latihan keselamatan seminar atau ceramah ( $r=-0.234^*$ ,  $p=0.003$ ), isi kandungan latihan keselamatan ( $r=0.237^*$ ,  $p=0.034$ ), kekerapan mengadakan latihan keselamatan ( $r=-0.286^*$ ,  $p=0.011$ ) dan jurulatih ( $r=0.684^{**}$ ,  $p=0.000$ ) dan pembolehubah tidak bersandar ini mempunyai perkaitan yang signifikan dengan kadar pengurangan kemalangan di tempat kerja. Hanya kaedah pengajaran latihan keselamatan kejurulatihan ( $0.062$ ,  $p=0.59$ ) tidak mempunyai perkaitan yang signifikan dengan kadar pengurangan kemalangan di tempat kerja. Hasil Analisis Regresi Linear, faktor latihan keselamatan yang dominan mempengaruhi kadar kemalangan ialah jurulatih iaitu dengan nilai beta = 0.684. Sebagai kesimpulan, organisasi harus mengambil langkah-langkah perlu untuk mempertingkatkan dan membaiki latihan keselamatan supaya kadar kemalangan di tempat kerja dikurangkan.

## ***ABSTRACT***

### ***THE CONNECTION BETWEEN SAFETY TRAINING WITH ACCIDENT REDUCTION RATE IN THE WORKPLACE: A CASE STUDY AT MALAYSIA AIRPORT SENDIRIAN BERHAD, KUCHING, SARAWAK.***

***Avun Belahang***

*This study aims to identify the connection between safety training with accident reduction rate at Malaysia Airport Berhad, Kuching, and Sarawak. The independent variables in this study is coaching teaching method, Job Instruction Training (JIT) teaching method, workshop teaching method, lecturing teaching method, content of safety training, regularity of attending safety training and coach. The dependent variable is accident reduction rate in the workplace. About 78 respondents were selected as a sample of this study. A survey was used questionnaire and observation for collecting data. From the Pearson Correlation Analysis, the finding revealed that Job Instruction Training (JIT) teaching method ( $r=-0.234^*$ ,  $p=0.039$ ), workshop teaching method ( $r=0.189$ ,  $p=0.039$ ), lecturing teaching method ( $r=-0.234^*$ ,  $p=0.003$ ), content of safety training ( $r=0.237^*$ ,  $p=0.034$ ), regularity of attending safety training( $r=-0.286^*$ ,  $p=0.011$ ) and coach( $r=0.684^{**}$ ,  $p=0.000$ ) and this independent factor was has significant connection to accident reduction rate. Only coaching ( $0.062$ ,  $p=0.59$ ) doesn't have significant connection to accident reduction rate at workplace. From the Linear Regression Analysis, safety training factor that dominant influence accident reduction rate is coach with beta value = 0.684. As a conclusion, organization should take needed action to improve and repairing safety training so that accident rate at workplace can be reduced.*

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.0 Pengenalan**

Bab ini membincangkan pengenalan kajian, latar belakang kajian, kenyataan masalah, objektif umum dan objektif khusus, kerangka konseptual, hipotesis kajian, kepentingan kajian, definisi istilah dan limitasi kajian.

## **1.1 Pengenalan Kajian**

Hari ini kita berada dalam zaman penggunaan peralatan yang canggih dan terkini di tempat kerja. Penggunaan peralatan yang canggih dan terkini ini adalah untuk memudahkan kerja dan melicinkan pergerakan dalam semasa menjalankan kerja seharian. Persekutaran tempat kerja juga semakin hari semakin kompleks kerana manusia di dorong oleh penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran serta keupayaan manusia untuk mencipta, memperbaharui dan membaiki alatan dan persekitaran tempat kerja.

Setiap organisasi di sektor awam atau sektor swasta berlumba-lumba untuk mewujudkan persekitaran tempat kerja yang selamat dan selesa. Selari dengan kemajuan yang dicapai ini, kadar kemalangan di tempat kerja juga semakin meningkat setiap hari. Peningkatan kadar kemalangan ini menyebabkan banyak organisasi menyediakan dan memberikan latihan keselamatan kepada pekerja mereka di organisasi masing-masing.

Kepentingan latihan keselamatan ini kepada sesebuah organisasi kini semakin meningkat iaitu lantaran daripada kemajuan yang dicapai dan juga kerana persekitaran tempat kerja yang semakin kompleks. Konsep ini telah banyak diaplikasikan ke dalam banyak industri dan persekitaran tempat kerja dalam pelbagai organisasi. Organisasi yang mengaplikasikan latihan keselamatan di tempat kerja akan mendapatkan banyak faedah secara langsung dan tidak langsung terhadap kepada organisasi mereka.

Faktor-faktor dalam kajian yang diambil berat ialah program latihan keselamatan secara *On The Job Training* dan *Off The Job Training*, isi kandungan latihan keselamatan, kekerapan mengadakan latihan keselamatan dan jurulatih.

Faktor-fakor ini yang akan dikaji oleh pengkaji iaitu kaitan antara faktor-faktor ini dengan dengan kadar kemalangan di tempat kerja.

## **1.2 Latar belakang kajian**

Salah satu aset yang penting organisasi ialah sumber manusia organisasi berkenaan. Pekerja bahagian operasi merupakan satu aset utama dalam sebuah organisasi. Mereka merupakan nadi penggerak jentera dalam sesebuah organisasi (Ahmad Sarji, 1992). Pekerja-pekerja ini akan memastikan kadar produktiviti sesebuah organisasi sama ada menurun atau meningkat.

Walaupun pekerja-pekerja memberikan kesan kepada produktiviti organisasi namun keselamatan persekitaran tempat kerja memberikan kesan yang besar terhadap pekerja dan seterusnya memberi kesan kepada kadar produktiviti organisasi. Persekutuan tempat kerja yang tidak selamat akan menyebabkan kadar kemalangan di tempat kerja yang tinggi. Bagi mewujudkan keselamatan di tempat kerja dan mengurangkan kadar kemalangan di tempat kerja, latihan keselamatan digunakan. Kepentingan latihan keselamatan kepada organisasi ialah:

- i. dapat melancarkan aktiviti harian organisasi dengan mengurangkan kadar kemalangan di tempat kerja.
- ii. dapat memberikan imej yang baik kepada organisasi
- iii. dapat menarik lebih ramai pelanggan untuk menggunakan perkhidmatan organisasi.
- iv. dapat meningkatkan produktiviti organisasi.

Sejarah latihan keselamatan bermula di Babylon pada tahun 2000 sebelum masihi dengan pengenalan Undang-undang Hammurabi di dalam kod Hammurabi. Undang-undang ini berkaitan dengan keseluruhan keselamatan dan kesihatan kerana ia berkaitan dengan klausa yang berhubung dengan kecederaan, bayaran yang boleh dikenakan oleh pakar dan pampasan yang boleh dibayar oleh pesalah kepada orang dicederanya (D.L Goetsch, 1996). Selain bukti sejarah awal latihan keselamatan daripada Tamadun Babylon, Tamadun Rom juga menitikberatkan keselamatan dan kesihatan (D.L Goetsch, 1996).

Menurut Ladou, perubahan dalam penghasilan barang hasil daripada revolusi industri boleh dirumuskan seperti dibawah:

- Pengenalan kuasa bukan benda hidup (contoh kuasa stim) untuk menggantikan kuasa manusia dan haiwan.
- Penggunaan mesin menggantikan manusia
- Pekerjaan yang teratur dan spesifik menyebabkan pembahagian tugas pekerja.
- Perubahan ini menyebabkan fokus terhadap keselamatan dan kesihatan pekerja semakin ditekankan.
- Pengenalan kaedah baru untuk menggunakan bahan-bahan juga diperkenalkan dan membawa kepada pengenalan risiko kemalangan.

Pengelasan pekerja dalam melakukan sesuatu pekerjaan iaitu mereka akan membuat kerja di satu bahagian secara spesifik iaitu menumpukan hanya pada kerja pada bahagian mereka sahaja. Bahagian-bahagian lain akan dilakukan oleh pekerja lain. Pengelasan ini akan menyebabkan tumpuan kurang yang menyebabkan persekitaran tempat kerja menjadi bahaya kerana mereka kurang tumpuan semasa mereka bekerja.

Kesimpulannya latihan keselamatan yang baik adalah hasil daripada kombinasi program latihan keselamatan secara *On the job training* dan *Off the job training* yang baik, isi kandungan latihan keselamatan yang terkini dan sesuai, kekerapan mengadakan latihan keselamatan yang bersesuaian dan jurulatih berkaliber.

### **1.3 Kenyataan masalah**

Sejak kebelakangan ini persekitaran tempat kerja menjadi kompleks dan banyak kemudahan yang digunakan di tempat kerja semakin canggih dan moden untuk mempercepatkan kerja bagi mencapai tujuan organisasi. Persekitaran tempat kerja yang semakin kompleks dan penggunaan kemudahan yang semakin canggih dan moden telah menyebabkan peningkatan dalam kadar kemalangan di tempat kerja.

Menurut Miller dan Galbraith (1995), kajian yang telah dijalankan di Amerika Syarikat berhubung dengan kemalangan di tempat kerja mengganggarkan bahawa kos yang disebabkan kemalangan di tempat kerja ialah US\$ 140 billion setahun. Menurut Abdul Rahman (2002) nisbah kemalangan di tempat kerja di Negara Malaysia adalah 7.5 kemalangan bagi setiap 1,000 pekerja berbanding dengan negara maju lain yang mencatatkan nisbah 4 kemalangan bagi setiap 1,000 pekerja dan menurut Timbalan Menteri Sumber Manusia, Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman Bakar pula (2004), pada tahun 2000 sebanyak 95,006 kes kemalangan industri dilaporkan kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Persoalannya sejauhmana latihan keselamatan dijalankan dan diikuti dapat mengurangkan kadar kemalangan di tempat kerja. Seterusnya persoalan lain ialah

adakah angkubah lain yang mempengaruhi kadar pengurangan kemalangan di tempat kerja selain daripada program latihan keselamatan dan juga program latihan keselamatan yang diikuti bersesuaian dan selari dengan keperluan semasa program latihan keselamatan itu.

## **1.4 Objektif**

Kajian yang dijalankan berhubung dengan peranan latihan keselamatan di peringkat organisasi ke arah pengurangan kadar kemalangan di tempat kerja dalam organisasi yang dikaji di Malaysia Airport Sdn Bhd, Kuching, Sarawak dibahagikan kepada dua objektif iaitu objektif umum dan objektif khusus.

### **1.4.1 Objektif Umum**

Mengkaji perkaitan di antara latihan keselamatan dengan kadar pengurangan kemalangan di tempat kerja.

### **1.4.2 Objektif khusus**


- i. Mengenalpasti perkaitan di antara kaedah pengajaran kejurulatihan dengan kadar pengurangan kemalangan di tempat kerja.

- ii. Mengenalpasti perkaitan di antara kaedah pengajaran *Job Instruction Training* dengan kadar pengurangan kemalangan di tempat kerja.
- iii. Mengenalpasti perkaitan di antara kaedah pengajaran latihan keselamatan ceramah atau seminar dengan kadar pengurangan kemalangan di tempat kerja.
- iv. Mengenalpasti perkaitan di antara kaedah pengajaran latihan keselamatan bengkel dengan kadar pengurangan kemalangan di tempat kerja.
- v. Mengenalpasti perkaitan di antara kekerapan mengadakan latihan keselamatan dengan kadar pengurangan kemalangan di tempat kerja.
- vi. Mengenalpasti perkaitan di antara isi kandungan latihan keselamatan dengan kadar pengurangan kemalangan di tempat kerja.
- vii. Mengenalpasti perkaitan di antara jurulatih dengan kadar pengurangan kemalangan di tempat kerja.
- viii. Mengenalpasti faktor dominan yang mempengaruhi kadar pengurangan kemalangan di tempat kerja.

## 1.5 Kerangka konseptual:

Pembolehubah tidak bersandar

Pembolehubah Bersandar



Rajah 1: Kerangka konseptual kajian

## **1.6 Hipotesis Kajian**

Hipotesis kajian direka berdasarkan objektif dan kerangka konseptual kajian.

Hipotesis terbahagi kepada dua hipotesis iaitu Hipotesis Nul ( $H_0$ ) iaitu dalam bentuk penafian dan Hipotesis Alternatif ( $H_a$ ) yang menyatakan berkenaan dengan hasil yang bertentangan dengan Hipotesis Nul iaitu menyatakan keadaan yang positif. Kajian yang dijalankan hanya menumpukan kepada Hipotesis Nul sahaja.

### **1.6.1 Hipotesis Nul**

#### Ho 1

Tidak terdapat perkaitan yang signifikan di antara kaedah pengajaran latihan keselamatan kejurulatihan dengan kadar pengurangan kemalangan di tempat kerja.

#### Ho 2

Tidak terdapat perkaitan yang signifikan di antara kaedah pengajaran latihan keselamatan *Job Instruction Training (JIT)* dengan kadar pengurangan kemalangan di tempat kerja.

#### Ho 3

Tidak terdapat perkaitan yang signifikan di antara kaedah pengajaran latihan keselamatan seminar atau ceramah dengan kadar pengurangan kemalangan di tempat kerja.

#### Ho 4

Tidak terdapat perkaitan yang signifikan di antara kaedah pengajaran latihan keselamatan bengkel dengan kadar pengurangan kemalangan di tempat kerja.

### Ho 5

Tidak terdapat perkaitan yang signifikan di antara isi kandungan latihan keselamatan dengan kadar pengurangan kemalangan di tempat kerja.

### Ho 6

Tidak terdapat perkaitan yang signifikan di antara kekerapan mengadakan latihan keselamatan dengan kadar pengurangan kemalangan di tempat kerja.

### Ho 7

Tidak terdapat perkaitan yang signifikan di antara jurulatih dengan kadar pengurangan kemalangan di tempat kerja.

### Ho 8

Tidak terdapat perkaitan yang signifikan di antara faktor dominan dengan kadar pengurangan kemalangan.

## **1.7 Kepentingan Kajian**

### **1.7.1 Kepada Organisasi**

Hasil kajian ini boleh digunakan oleh organisasi untuk dijadikan kayu pengukur bagi menilai keberkesanan program latihan keselamatan yang diberikan atau dijalankan oleh organisasi kepada pekerja mereka. Organisasi juga dapat mengetahui punca-punca yang mempengaruhi kadar kemalangan di tempat kerja dan langkah-langkah keselamatan boleh diambil untuk memperbaiki dan mempertingkatkan tahap keselamatan di tempat kerja.

### **1.7.2 Kepada Pengkaji**

Melalui kajian ini pengkaji dapat meningkatkan pengetahuan tentang latihan keselamatan, langkah-langkah keselamatan di tempat kerja dan mengetahui statistik kemalangan di tempat kerja. Pendedahan ini amat berguna kepada pengkaji untuk digunakan dalam alam pekerjaan kelak. Pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi oleh pengkaji boleh digunakan untuk pengkaji merekabentuk program latihan keselamatan yang lebih berkesan dan sistematik untuk mengurangkan kadar kemalangan di tempat kerja. Kajian ini juga sebagai satu kajian awalan kepada pengkaji untuk menjalankan kajian di organisasi lain pada masa akan datang.

### **1.7.3 Kepada Ahli Akademik dan Pengkaji Lain**

Kajian ini boleh dijadikan bahan rujukan tambahan oleh pengkaji lain dan ahli akademik yang lain pada masa akan datang dalam bidang penyelidikan ilmiah atau lebih spesifik kepada bidang keselamatan. Kajian juga boleh diperbaiki dan dibuat penambahbaikan dari masa ke semasa oleh pengkaji dan ahli akademik yang lain bagi memperolehi satu hasil kajian penyelidikan yang mempunyai nilai ilmiah yang tinggi.

## **1.8 Definisi Istilah**

### **1.8.1 Latihan Keselamatan**

#### **Konseptual**

Kaedah pengajaran untuk membantu organisasi menjadi lebih baik dalam semua aspek keselamatan. Latihan keselamatan merangkumi kaedah *benchmarking* dalam proses pembangunan program dan proses pemberian khidmat nasihat. Latihan keselamatan merangkumi aspek keselamatan seperti berikut iaitu keselamatan OSHA, keselamatan kemalangan, keselamatan bahan kimia, keselamatan kren pengangkut, keselamatan MSDC dan sebagainya ([www.aahperd.org](http://www.aahperd.org)).

#### **Operasional**

Dari perspektif kajian ini, Malaysia Airport Sdn Bhd, Kuching, Sarawak memberikan latihan keselamatan kepada pekerja untuk mempertingkatkan tahap kesedaran pekerja terhadap kepentingan keselamatan di tempat kerja bagi mengelakkan kemalangan berlaku di tempat kerja.

### **1.8.2 Kadar Kemalangan**

#### **Konseptual**

Kekerapan berlakunya suatu peristiwa dalam urutan peristiwa yang tidak dirancang,yang berlaku sebagai satu gabungan sebab-sebab, yang mengakibatkan

gangguan kepada fizikal (kecederaan/penyakit) ke atas individu, kerosakan kepada harta , nyaris nyawa atau gabungan kesan-kesan tersebut (SMTA,1996).

## **Operasional**

Dari perspektif kajian ini, kadar kemalangan merujuk kepada kekerapan berlakunya kemalangan di tempat kerja di Malaysia Airport Sdn Bhd, Kuching, Sarawak.

### **1.8.3 Kemalangan di tempat kerja**

#### **Konseptual**

Compes (1994) menyatakan bahawa kemalangan di tempat kerja ialah keadaan pekerja mengalami kemalangan semasa bertugas dan bantuan daripada pembantu perubatan dan pakar perubatan disediakan untuk membantu semasa kemalangan ([www.aahperd.org](http://www.aahperd.org)).

#### **Operasional**

Merujuk kepada kajian ini, kemalangan di tempat kerja ialah kemalangan yang berlaku kepada pekerja-pekerja semasa mereka melakukan tugas mereka di Malaysia Airport Berhad, Kuching, Sarawak.

#### **1.8.4 *On-The Job Training***

##### **Konseptual**

Merupakan satu bentuk latihan yang disediakan oleh organisasi kepada pekerja semasa kerja bagi mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran kakitangan (Argyris, 1999).

##### **Operasional**

Dari perspektif kajian ini, Malaysia Airport Sdn Bhd, Kuching, Sarawak merupakan satu organisasi yang memberikan ruang kepada pekerja-pekerjanya untuk mempelajari latihan keselamatan di tempat kerja. Latihan keselamatan di tempat kerja ini diberikan melalui kaedah pengajaran kejurulatihan dan *Job Instruction Training* (JIT).

#### **1.8.5 *Off-The Job Training***

##### **Konseptual**

Merupakan satu bentuk latihan yang dijalankan oleh organisasi di luar waktu pejabat atau kerja yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan kakitangan yang sedia ada (Argyris, 1999).